



**Teks Ucapan
Bajet Negeri Melaka 2019
YAB Tuan Adly bin Zahari
Ketua Menteri Melaka**

**Ketika Membentangkan
Rang Undang-Undang Perbekalan (2019) 2018
“Mengembalikan Kewibawaan Melaka Ke Arah
Mensejahterakan Rakyat”**

**9 November 2018 (Jumaat) / 1 Rabiulawal 1440 H
Masa: 1530 petang**

Dewan Undangan Negeri Melaka, Ayer Keroh

KERANGKA UCAPAN BAJET 2019

BIL	BUTIRAN	M/S
1.	Pengenalan	3
2.	Prospek Ekonomi Negara	6
3.	Prospek Ekonomi dan Pelaburan Negeri	8
4.	Laporan Ketua Audit Negara	17
	<i>Kedudukan Kewangan</i>	17
	<i>Kedudukan Hutang Awam (Pinjaman) Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Persekutuan Yang Tinggi</i>	17
	<i>Defisit Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri Yang Tinggi</i>	19
	<i>Jumlah Tunggakan Pendahuluan Yang Tinggi Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Menampung Perbelanjaan Mengurus</i>	20
5.	Bajet Negeri Melaka 2019	22
	<i>Anggaran Hasil Tahun 2019</i>	23
	<i>Pengenaan Caj Sewaan Ke Atas Kotak Utiliti</i>	24
	<i>Caj Levi Ke Atas Permohonan Tambahan Kuota Penjualan Unit Kediaman Dan Perniagaan Untuk Warga Negara Asing</i>	24
	<i>Semakan Kadar Malacca Land Rules 1966 (MLR)</i>	25
	<i>Semakan Cukai Tanah</i>	25
	<i>Anggaran Perbelanjaan Tahun 2019</i>	26
	<i>Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2019</i>	27
	<i>Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2019</i>	32
6.	The Way Foward	39
7.	Strategi Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Sosio Negeri	39
8.	<i>Pertama:Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur</i>	40
	<i>Sumber Air</i>	40
	<i>Rancangan Tebatan Banjir</i>	41
	<i>Menambah baik Sistem Lalu Lintas di Jaringan Jalan-Jalan Utama</i>	41
	<i>Menaik taraf Dan Membina Fasiliti Baru Kesihatan</i>	43
9.	<i>Kedua:Merangsang Sektor Pelancongan</i>	44
10.	<i>Ketiga:Menambah baik Skim Perumahan Untuk Rakyat</i>	46
11.	<i>Keempat:Merancakkan Sektor Pembuatan</i>	48
12.	<i>Kelima:Menggalakkan Pelaburan Melalui Kaedah Penswastaan</i>	50
13.	<i>Keenam:Memperkasa Sektor Pertanian</i>	51
	<i>Pertanian</i>	51
	<i>Penternakan</i>	52
	<i>Perikanan</i>	53
14.	<i>Ketujuh:Memperkasa Sistem Pendidikan Negeri</i>	55
15.	<i>Kelapan:Menaiktaraf Kemudahan Teknologi Maklumat</i>	57
16.	<i>Kesembilan:Menggiatkan Penggunaan Sistem Pensijilan Halal Secara Atas Talian</i>	60
17.	<i>Kesepuluh: Memperkemas Pemberian Insentif Atlet Sukan Negeri</i>	60
18.	<i>Kesebelas: Meningkatkan Tahap Keselamatan</i>	62
	<i>Pengurangan Jenayah</i>	62
	<i>Konsep Bandar Selamat</i>	63
19.	Penutup	63

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa,

Pintar, Hijau, Bersih.

Yang Berhormat Speaker,

Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

1. Saya dengan penuh takzim, berdiri di dalam dewan yang mulia ini, untuk memohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk “*Suatu Enakmen Perbekalan (2019) 2018 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2019*” dibaca bagi kali kedua.

Yang Berhormat Speaker,

Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Mukadimah

2. Alhamdulillah, pertamanya marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana pada petang Jumaat Sayyidul Ayyam ini, buat pertama kali dalam sejarah Kerajaan Pakatan Harapan, selaku Ketua Menteri Melaka ke-11, saya dapat membentangkan Bajet Negeri Melaka bagi tahun 2019

bersempena Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka.

3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil Yaakob, Yang di-Pertua Negeri di atas kepercayaan serta keyakinan melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka pada 11 Mei 2018 dan Barisan Exco Kerajaan Negeri pada 16 Mei lalu.
4. Saya sedar bahawa segala kurniaan Allah SWT itu wajib dipikul dengan penuh tabah dan dilaksana dengan penuh ikhlas, yang tidak lain, melainkan mengharapkan sokongan dan bantuan serta rahmat daripada Allah SWT.

Begitulah firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran, ayat 160:

إِنَّ يَنْصُرُكُمْ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي
يَنْصُرُكُمْ مِّنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

١٦٠

“Jika Allah menolong kamu, maka tidak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu, jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah sesudah itu? Kerana itu hendaklah kepada Allah sahaja orang Mu’mín bertawakkal.” (Surah Ali-Imran, Ayat 160).

5. Saya, bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat dengan penuh rasa takzim dan kesyukuran, mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-80 kepada Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri.
6. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim serta keluarga dilimpahi rahmat Allah SWT dengan nikmat kesihatan dan kebahagiaan serta kesejahteraan untuk terus memayungi Negeri dan rakyat Melaka tercinta.
7. Kepada seluruh rakyat Melaka, terima kasih diucapkan di atas keyakinan serta kepercayaan kepada saya dan rakan-rakan Exco dan Wakil Rakyat yang lain, untuk menggalas tanggungjawab, bagi mentadbir serta mengurus Negeri ini.
8. Saya mengharapkan kerjasama yang berterusan daripada rakyat untuk memastikan keamanan dan keselamatan Negeri dapat terus dipulihara supaya kita dapat hidup selamat dan harmoni serta tidak tertekan dengan situasi semasa.

Kebaya Nyonya berkerawang halus,

Dipakai manis puteri rupawan,

Kerajaan Pakatan berkepimpinan telus,

Rakyat dan negeri dalam peliharaan.

**Yang Berhormat Speaker,
Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Prospek Ekonomi Negara

9. Kita telah pun mendengar pembentangan Bajet 2019 oleh Menteri Kewangan Malaysia, YB Tuan Lim Guan Eng pada 2 November 2018 lalu. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada beliau kerana dapat merangka Bajet 2019 yang cukup komprehensif, demi kesejahteraan rakyat meskipun Negara berdepan pelbagai cabaran di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

10. Bajet 2019 memberi gambaran jelas kepada rakyat mengenai situasi sebenar kedudukan fiskal Negara untuk membolehkan Kerajaan mengambil inisiatif yang proaktif bagi menangani hutang dan liabiliti yang mencecah **1,065 bilion ringgit**, tunggakan bayaran balik cukai kepada individu, syarikat dan rakyat Malaysia berjumlah **35.4 bilion ringgit** serta melaksanakan konsolidasi fiskal, bagi menambah baik kesejahteraan sosioekonomi rakyat.

11. Dari tempoh Januari hingga Jun 2018, eksport Negara terus berkembang dengan kadar 6.9 peratus dan menyumbang lebihan **18.9 bilion ringgit** atau 2.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kerajaan mengunjurkan KDNK

akan terus berkembang pada kadar 4.9 peratus dalam tahun 2019. Inflasi kekal di paras 1.2 peratus bagi tempoh Januari sehingga September 2018 hasil daripada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkadar sifar.

12. Mata wang Ringgit terus didokong oleh lebihan akaun semasa dan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia sekali gus mendorong kepada prestasi Ringgit yang terbaik di kalangan pasaran baharu. Sehingga 31 Oktober 2018, Ringgit telah meningkat sebanyak 12.3 peratus berbanding Rupee India, 8.1 peratus berbanding Rupiah Indonesia, 3 peratus berbanding Peso Filipina, 3.2 peratus berbanding Renminbi China dan 0.6 peratus berbanding Dolar Singapura.

13. Sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi didorong oleh permintaan berterusan. Sektor pertanian dan perlombongan dijangka kembali berkembang pada 2019 berikutan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah dan gas asli cecair. Sementara itu, sektor pembinaan dijangka menyederhana.

14. Perbelanjaan sektor swasta, khususnya perbelanjaan isi rumah, akan kekal sebagai pemacu pertumbuhan, berikutan peningkatan berterusan guna tenaga, dan penetapan gaji minima sejumlah **1,100 ringgit**. Sementara itu, pelaburan swasta akan disokong oleh pelaksanaan projek baharu, dan projek sedia ada, dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Perbelanjaan awam

pula dijangka meningkat secara marginal pada 2018 dan menguncup pada 2019 berikutan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh syarikat awam.

15. Sehingga 15 Oktober 2018, rizab antarabangsa Negara berjumlah **102.8 bilion dolar Amerika** atau **426 billion ringgit**. Kerajaan menjangka pendapatan perkapita 2018 meningkat 5 peratus kepada **42,777 ringgit** berbanding, 2017 iaitu **40,713 ringgit**.

16. Belanjawan 2019 bertekad melaksanakan langkah untuk menangani defisit, mempromosi Negara keusahawanan dan mensejahterakan rakyat. Strategi yang dilakar dalam Belanjawan bakal meletakkan Negara, di landasan yang kukuh, demi mencapai objektif kebebasan, keadilan, keharmonian, keamanan dan kemakmuran yang lebih baik dalam Malaysia Baharu.

Yang Berhormat Speaker,

Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Prospek Ekonomi dan Pelaburan Negeri

17. Sudah pasti, seluruh rakyat di Negeri Melaka ternanti-nanti pengisian Bajet 2019. Ia merupakan bajet sulung yang bakal mencorak perancangan pembangunan Kerajaan Negeri, dalam usaha mereformasikan Melaka ke arah Negeri berwibawa, selepas

61 tahun berada di bawah rejim pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional.

18. Kerajaan Negeri yakin, bajet yang bijak ialah mengambil kira anggaran terimaan bagi menentukan anggaran perbelanjaan. Jika tidak, kemungkinan, kita akan berbelanja lebih daripada apa yang kita mampu. Banyak Negara di dunia yang berbelanja lebih daripada sumber hasil, sehingga kehilangan kebebasan mengurus hal ehwal Negara sendiri, akibat cengkaman daripada pihak pemberi hutang.

19. Di bawah pentadbiran Kerajaan baharu, kita berhati-hati dalam pengurusan kewangan dan mempastikan berbelanja setakat yang mampu dengan mengamalkan penjimatan dalam semua perkara.

20. Jika kita imbas semula rekod pertumbuhan ekonomi Melaka tahun 2017, ia mencatat peningkatan yang memberangsangkan dengan kadar pertumbuhan 8.1 peratus, kedua tertinggi, selepas Sabah. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka ialah **35.9 bilion ringgit** dengan pendapatan per kapita **46,015 ringgit** berbanding **41,379 ringgit** tahun 2016. Pendapatan per kapita ini juga adalah jauh lebih baik berbanding di peringkat Negara iaitu **42,228 ringgit**.

21. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada pemesatan ekonomi Negeri iaitu 44.8 peratus atau **16.0**

bilion ringgit diikuti sektor pembuatan, 40.1 peratus atau **14.3 bilion ringgit**, sektor pertanian 10.5 peratus atau **3.7 bilion ringgit**, sektor pembinaan **1.4 bilion ringgit** atau 3.9 peratus dan sektor perlombongan dan kuari 0.2 peratus atau **0.5 bilion ringgit**.

22. Kadar pengangguran masih terendah iaitu 1.0 peratus, kadar inflasi, 4.1 peratus manakala kadar kemiskinan 0.0 peratus dan tiada lagi miskin tegar.

23. Dari segi pelaburan, Melaka berada di kedudukan kelima tertinggi dengan jumlah pelaburan **4.7 bilion ringgit** daripada **197.1 bilion ringgit** jumlah pelaburan yang diluluskan di peringkat Negara bagi tahun 2017. Sehingga Oktober 2018, nilai pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ialah **519.36 juta ringgit** merangkumi tujuh jenis pelaburan iaitu pelaburan dalam sektor perubatan, makanan, elektronik, petroleum, pengangkutan, pembuatan logam dan mineral bukan metalik.

24. Kerajaan Negeri mensasarkan **5.0 bilion ringgit** nilai pelaburan asing dan domestik setahun dan yakin ia mampu dicapai hasil minat mendalam yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur khususnya dari Jerman, Korea dan United Kingdom untuk melabur di Kawasan Perindustrian seperti Lipat Kajang, Melaka Halal Hub, Pegoh, Bukit Rambai dan Jasin. Bagaimanapun secara realitinya, angka itu mungkin berubah dan dapat mencapai nilai

yang lebih tinggi dengan mempertingkatkan usaha mempromosi pelaburan.

25. Kerajaan Negeri juga mensasarkan pelaburan daripada Negara seperti China, Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat dengan mengembangkan sektor pelaburan merangkumi lain-lain sektor termasuk perkhidmatan dan pembinaan serta perladangan. Nilai pelaburan yang diumumkan, meliputi sektor perkilangan, pemakanan, perubatan dan elektronik.

26. Pertumbuhan dan asas ekonomi Negeri ini, secara umumnya diterima antara yang terbaik di Negara ini. Namun, apa yang lebih bermakna ialah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka dari aspek pendapatan, iaitu siapa yang menerima manfaat daripada pertumbuhan ekonomi ini. Kebanyakan manfaat pertumbuhan ini dinikmati oleh pemilik modal dan hanya sebahagian kecil iaitu sekitar satu per tiga daripada KDNK dinikmati oleh pekerja.

27. Di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, kita tidak lagi melihat pembangunan mengikut ukuran pertumbuhan ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata. Seperti yang disebut oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2018-2020.

“Kita melihat pembangunan dari aspek peningkatan kuasa beli rakyat dan pembangunan perlu dinikmati oleh semua rakyat atau ‘shared prosperity’. Ini bermakna, tidak wujud jurang pendapatan yang terlalu lebar antara miskin dan kaya, antara kaum dan suku kaum. Tidak harus ada golongan yang merasakan mereka terpinggir dari arus pembangunan dan pembangunan juga tidak boleh meninggalkan negeri atau wilayah tertentu di belakang.”

(Tun Dr Mahathir Mohamad)

28. Rakyat menuntut perubahan dan ia menjadi kenyataan pada 09 Mei 2018 dengan menolak rejim kleptokrat yang telah menyebabkan Kerajaan menanggung hutang lebih dari **1 trillion ringgit**. Sebaik sahaja Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih Negeri ini, semua laporan tentang pertumbuhan dan asas ekonomi Melaka telah diperinci dan didapati ia tidak diterjemah dengan baik kepada kedudukan kewangan Negeri, di mana Kerajaan Negeri menanggung komitmen kewangan berjumlah **1.84 billion ringgit**. Jumlah ini merangkumi 3 pecahan seperti yang dinyatakan dalam **Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2017** yang telah diaudit sehingga 31 Disember 2017 seperti berikut:-

- i. Baki Hutang Awam atau kata lain pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah **843.29 juta ringgit**;

- ii. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah defisit keseluruhan adalah bernilai **606.82 juta ringgit** dengan jumlah defisit bagi Akaun Hasil Disatukan sebanyak **77.52 juta ringgit** dan jumlah defisit bagi Kumpulan Wang Pembangunan ialah **529.30 juta ringgit**; dan
 - iii. Baki Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2017 berjumlah **393.87 juta ringgit**.
29. Antara punca utama berlakunya pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang tinggi dan defisit Akaun Kumpulan Wang Pembangunan ialah kerana kekurangan sumber hasil Negeri dan perbelanjaan operasi yang semakin meningkat. Faktor *deficit driven* ini telah memberi tekanan kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah bagi menampung segala urusan perbelanjaan mengurus dan pembangunan.
30. Bagi mengatasi defisit dan hutang, Kerajaan Negeri sedang melaksana langkah jangka pendek perbelanjaan secara berhemah antaranya ialah: -

- i. Mengurangkan perbelanjaan makan minum semasa mesyuarat. Jumlah perbelanjaan makan minum mesyuarat daripada Januari hingga Oktober 2017 ialah **5.52 juta ringgit**. Pengenalan langkah ini telah mengurangkan

perbelanjaan kepada **3.17 juta ringgit** bagi tempoh yang sama tahun 2018 iaitu penjimatan sebanyak **2.35 juta ringgit**;

- ii. Mengurangkan dan merasionalisasi penganjuran program-program *rasmi* Kerajaan Negeri. Jumlah perbelanjaan penganjuran program rasmi Kerajaan Negeri bagi tempoh Januari hingga Oktober 2017 adalah **7.06 juta ringgit**. Pengenalan langkah ini telah mengurangkan perbelanjaan kepada **3.31 juta ringgit** bagi tempoh yang sama untuk tahun 2018 iaitu penjimatan sebanyak **3.75 juta ringgit**;
- iii. Merasionalisasi perbelanjaan misi-misi perdagangan, pelaburan dan promosi pelancongan ke luar negara antaranya mengurangkan bilangan ahli delegasi dan kaedah perolehan yang lebih terbuka. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang dilaksanakan ini tidak akan mengurangkan bilangan misi tersebut. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2017 adalah **2.25 juta ringgit**. Pengenalan langkah ini telah mengurangkan perbelanjaan kepada **0.99 juta ringgit** bagi tempoh yang sama untuk tahun 2018 iaitu penjimatan sebanyak **1.26 juta ringgit**; dan
- iv. Lain-lain perbelanjaan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2017 adalah **1.77 juta ringgit**. Pengenalan langkah ini telah mengurangkan perbelanjaan kepada **0.88 juta ringgit**

bagi tempoh yang sama untuk tahun 2018 iaitu penjimatan sebanyak **0.89 juta ringgit**.

31. Kerajaan Negeri juga akan mengambil pendekatan proaktif dengan memperkenalkan pelaksanaan perbelanjaan berhemah dalam Bajet 2019. Antara lain: -

- i. Jabatan-jabatan perlu berbelanja berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dan yang benar-benar perlu sahaja;
- ii. Agensi-agensi Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk *self-finance*;
- iii. Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri perlu mengoptimumkan penggunaan bangunan Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan sewaan dan pengubahsuaian pejabat;
- iv. Jabatan dan agensi melaksana inisiatif teknologi hijau khususnya bagi mengurangkan perbelanjaan utiliti seperti air dan elektrik. Sebagai contoh, penuaian air hujan serta penggunaan solar panel; dan
- v. Menggunakan pendekatan yang lebih terkini dan menjimatkan dalam promosi misi-misi perdagangan, pelaburan dan promosi pelancongan seperti di laman sesawang dan media sosial.

32. Sikap berbelanja secara berhemah adalah berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan. Islam juga melarang dan mencegah umatnya daripada membazir kerana pembaziran adalah perbuatan keji. Amalan berbelanja secara berlebihan sehingga berhutang perlu dielakkan kerana akan menimbulkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Israa, ayat 26-27 yang bermaksud: *“Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan, sedang syaitan adalah makhluk yang kufur kepada Tuhan-Nya.”* (Surah Al-Israa, ayat 26-27).

33. Bagi mempertingkatkan lagi kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam aspek pengurusan kewangan, Kerajaan Negeri juga telah mengambil beberapa langkah berikut iaitu:-

- i. Memperkuuh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) dengan melantik ADUN Bukan Kerajaan sebagai Pengerusi Jawatankuasa PAC Negeri sekali gus mengangkat dan mengiktiraf peranan ADUN bukan Kerajaan untuk mengetuai jawatankuasa tersebut; dan
- ii. Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Melaka atau ringkasnya MELCAT, untuk menambah baik sistem

dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan Negeri sedia ada.

Laporan Ketua Audit Negara

34. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Audit Negara kerana bertungkus-lumus, tekun dan sabar menyiapkan Laporan Audit Kewangan Negeri Melaka. Saya yakin, rakyat Melaka semakin bijak menilai laporan tersebut, khusus bagi menambah baik kepincangan dan amalan yang menjurus kepada ketirisan serta pembaziran. Kerajaan Negeri memandang serius mana-mana teguran yang dibangkitkan dan tindakan segera akan diambil.

Kedudukan Kewangan

Kedudukan Hutang Awam (Pinjaman) Kerajaan Negeri Kepada Kerajaan Persekutuan Yang Tinggi

35. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan hutang awam kepada Kerajaan Negeri berjumlah **948.11** **juta ringgit** bagi tempoh 1987 hingga 31 Oktober 2018. Baki Hutang Awam yang belum dijelaskan sehingga 31 Oktober 2018 berjumlah **839.93** **juta ringgit** dan jumlah yang telah dibayar balik sebanyak **108.17** **juta ringgit**. Hutang Awam tersebut dipohon bagi membiayai: -

- i. Projek pembangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) berjumlah **280.93 juta ringgit** seperti projek pembinaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS);
- ii. Projek pembangunan bekalan air oleh Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) berjumlah **145.19 juta ringgit**;
- iii. Projek pembinaan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah **109.01 juta ringgit**; dan
- iv. Pelbagai projek pembangunan berjumlah **412.99 juta ringgit** seperti pembinaan Kompleks Sukan Negeri Melaka serta lain-lain.

36. Kerajaan Negeri sedang memperhalusi dan mengambil beberapa langkah penyelesaian untuk mengurangkan jumlah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, antaranya: -

- i. Kaedah penyelesaian hutang secara *NBOS Financial* iaitu menyerahkan aset Kerajaan Negeri umpamanya harta tanah untuk diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan dan hasil yang dijana akan digunakan untuk menyelesaikan hutang Kerajaan Negeri sehingga satu tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak;
- ii. Tindakan permohonan menghapus kira Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi membiayai bayaran pampasan

pengambilan balik tanah untuk Projek Pembinaan Tapak Kompleks Imigresen dan Kuarantin (CIQ) berjumlah **19 juta ringgit**;

- iii. Menguatkuasakan pembayaran balik Hutang Awam bagi projek-projek bekalan air Negeri Melaka oleh Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) mengikut persetujuan bersama;
- iv. Menjadual dan menstruktur semula jadual bayaran balik Hutang Awam agensi-agensi Negeri kepada Kerajaan Persekutuan; dan
- v. Tiada permohonan baharu pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Defisit Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri Yang Tinggi

37. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70) bertujuan menyediakan sumber peruntukan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Kaedahnya adalah melalui caruman Akaun Hasil Disatukan, Geran Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan dan token pinjaman bagi maksud pembangunan sekiranya terdapat keperluan.

38. Akaun Kumpulan Wang Pembangunan ini telah mengalami defisit melebihi 10 tahun iaitu berjumlah **529.30 juta ringgit** berakhir 31 Disember 2017 seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2017. Sehingga 31 Mei 2018 defisit telah berjumlah **548.33 juta ringgit**. Defisit ini semakin membesar setiap tahun kerana jumlah pindahan yang dibuat daripada Akaun Hasil Disatukan tidak dapat menampung perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan. Langkah pindahan ini tidak dilaksana sepenuhnya bagi mengawal dan mengurangkan defisit perbelanjaan mengurus setiap kali penutupan akaun Negeri.

Jumlah Tunggakan Pendahuluan Yang Tinggi Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Menampung Perbelanjaan Mengurus

39. Kerajaan Negeri telah memohon Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri secara tunai daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2007 bertujuan menampung pelbagai perbelanjaan operasi di samping menampung ketidakcukupan aliran tunai negeri. Jumlah Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri yang diluluskan sehingga 11 Mei 2018 adalah sebanyak **525.09 juta ringgit**. Semenjak Kerajaan baharu mengambil alih pentadbiran Negeri, tiada lagi permohonan pendahuluan yang dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan. Sehingga 31 Oktober 2018 sebanyak **148.12 juta ringgit** telah dijelaskan.

40. Semenjak 11 Mei 2018, saya bersama rakan seperjuangan memimpin pentadbiran negeri, aspek pengurusan kewangan sedia ada telah ditambah baik. Justeru rakyat berhak mendengar dan menilai sendiri Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 khususnya:-

- i. Terdapat peningkatan defisit daripada **54.71 juta ringgit** pada tahun 2016 kepada **77.52 juta ringgit** pada tahun 2017;
- ii. Sumber terimaan sebenar Kerajaan Negeri adalah berjumlah **335.33 juta ringgit** berbanding dengan anggaran hasil berjumlah **349.02 juta ringgit**; dan
- iii. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2017 berjumlah **414.34 juta ringgit**. Jumlah terimaan hasil sebenar hanya berjumlah **335.33 juta ringgit**. Kekurangan hasil sebanyak **79.01 juta ringgit** dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah.

41. Susulan itu, saya telah mencadangkan agar memulakan konsep semakan berkala melalui imbalan pada penyata kewangan setiap hujung bulan. Dengan cara ini, kita dapat memantau keseimbangan di antara perbelanjaan dan pendapatan Negeri agar kita tidak berbelanja di luar kemampuan sehingga mengakibatkan defisit di samping terus melaksanakan dasar penjimatan.

**Yang Berhormat Speaker,
Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;**

Bajet Negeri Melaka 2019

42. Sesuatu belanjawan pastinya berpaksi pada dua tunjang utama iaitu pendapatan atau hasil dengan perbelanjaan. Kedua-dua hasil dan perbelanjaan Kerajaan mempunyai hubungan timbal balas yang membolehkan kita mengenal pasti hala tuju penyediaan belanjawan. Hubungan ini merupakan asas dalam menentukan dasar Bajet Negeri kerana hubungan antara hasil dan perbelanjaan akan menentukan sama ada belanjawan tersebut seimbang, defisit atau lebihan.

**Yang Berhormat Speaker,
Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;**

43. Pengurusan kewangan yang cekap dan efisien merupakan asas kepada kelangsungan sesebuah Kerajaan. Justeru, Kerajaan Pakatan Harapan bertekad melaksana perbelanjaan berhemah dan meminimakan ketirisan tanpa menidakkan pembangunan Negeri dan kebijakan rakyat. Dengan ini, saya membentangkan Belanjawan Tahun 2019 dengan tema "***MENGEMBALIKAN KEWIBAWAAN MELAKA KE ARAH MENSEJAHTERAKAN RAKYAT***".

44. Tema ini mencerminkan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan pinjaman Kerajaan Persekutuan dan defisit Akaun Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri. Pendekatan secara holistik ini dilaksana melalui amalan perbelanjaan berhemah dengan matlamat keseluruhan untuk mensejahterakan rakyat.

Anggaran Hasil Tahun 2019

45. Anggaran hasil Kerajaan Negeri tahun 2019 dijangka berjumlah **384.29 juta ringgit** berbanding tahun 2018 sebanyak **373.96 juta ringgit** iaitu peningkatan **2.76 peratus**. Hasil Cukai 2019 dijangka sebanyak **149.42 juta ringgit** daripada kutipan cukai tanah dan kenaan-kenaan yang berkaitan dengannya. Hasil Bukan Cukai dianggarkan berjumlah **172.73 juta ringgit** daripada faedah dan dividen pelaburan, bayaran lesen dan permit, premium tanah, bayaran perkhidmatan dan sewaan. Manakala, Terimaan Bukan Hasil ialah sebanyak **62.14 juta ringgit** iaitu daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik pinjaman oleh Agensi-agensi Kerajaan Negeri.

46. Hasil tanah merupakan hasil utama kepada Kerajaan Negeri dengan sumbangan purata 46.77 peratus bagi tempoh 2008 sehingga 2017. Kutipan hasil sedia ada Kerajaan Negeri tidak dapat menampung jumlah defisit terkumpul bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksana

pelbagai inisiatif untuk meningkatkan hasil Negeri tanpa membebankan rakyat. Antaranya ialah: -

Pengenaan Caj Sewaan Ke Atas Kotak Utiliti

47. Pengenaan caj kotak utiliti merupakan inisiatif hasil yang baharu di Negeri ini. Caj ini dikenakan ke atas kotak-kotak utiliti yang dibina di atas tanah rizab milik Kerajaan Negeri yang pada ketika ini tidak dikenakan sebarang bayaran. Caj yang dipersetujui adalah pada kadar **500 ringgit** bagi setiap kotak untuk tempoh sekali setahun.

Caj Levi Ke Atas Permohonan Tambahan Kuota Penjualan Unit Kediaman Dan Perniagaan Untuk Warga Negara Asing

48. Pembangunan pesat infrastruktur di Melaka ketika ini telah menarik pelabur dan warga asing untuk menjadikan Melaka sebagai tempat kediaman dan perniagaan tetap mereka. Ini dapat dilihat apabila terdapat permintaan yang tinggi oleh pemaju pembangunan harta tanah yang memohon untuk menaikkan kuota warga Negara asing melebihi kadar kuota yang ditetapkan.

49. Kerajaan bercadang mengenakan caj levi ke atas permohonan kuota tambahan bagi harta tanah jenis kondominium / pangsapuri sebanyak 2 peratus, lot perniagaan (termasuk unit komersil dan *service apartment* sebanyak 3 peratus dan caj levi kepada hotel tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri.

50. Peningkatan kuota pemilikan warga asing ke atas projek-projek pembangunan bukan bertujuan untuk menjelaskan kepentingan pembeli harta tanah tempatan, sebaliknya levi dikenakan ke atas tambahan kuota pemilikan. Tambahan kuota hanya akan diluluskan setelah pemaju menjelaskan bayaran levi tersebut.

Semakan Kadar *Malacca Land Rules 1966 (MLR)*

51. Semakan ke atas kadar-kadar yang terdapat di dalam *Malacca Land Rules 1966 (MLR)* merupakan salah satu inisiatif yang wajar dilaksanakan dan selari dengan nilai semasa untuk pengurusan tanah Negeri.

52. Semakan semula kadar MLR adalah *relevan* untuk masa kini kerana pindaan terakhir yang dibuat adalah pada 1 Julai 2010. Pindaan kadar MLR adalah seperti berikut: -

- i. bayaran pejabat (*office fees*); dan
- ii. bayaran permohonan permit, bayaran notis dan lesen pendudukan sementara.

Semakan Cukai Tanah

53. Kerajaan Negeri turut bersetuju membuat semakan ke atas kadar cukai tanah sedia ada bagi 353,746 hak milik tanah.

Seksyen 101 Akta Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyemak serta melaksana kadar cukai tanah baharu setiap sepuluh (10) tahun.

54. Semakan cukai tanah terakhir di Melaka adalah pada tahun 2005 dan pelaksanaannya pada tahun 2006. Justeru, semakan kadar cukai tanah baharu pada kali ini, adalah perlu yang meliputi kategori Bandar 1, Bandar 2, Pekan dan Desa. Kadar adalah berbeza bagi setiap harta tanah. Semakan cukai tanah tahun 2019 turut melibatkan cadangan peningkatan antara 10 hingga 20 peratus.

55. Meskipun Kerajaan Negeri amat memerlukan sumber pertambahan hasil bagi menampung Belanjawan Negeri, namun setelah mengambil kira implikasi sosioekonomi dan kebijakan rakyat pada masa ini, maka Kerajaan Negeri bersetuju menangguhkan pelaksanaan semakan cukai tanah tersebut ke tahun 2020.

Anggaran Perbelanjaan Tahun 2019

56. Perbelanjaan keseluruhan Negeri Melaka yang diperuntukkan bagi tahun 2019 adalah sejumlah **382.23 juta ringgit**. Daripada anggaran perbelanjaan tersebut, **13.06 juta ringgit** adalah untuk maksud tanggungan dan **369.17 juta ringgit** untuk maksud bekalan.

57. Di bawah anggaran pembangunan, sebanyak **65.0 juta ringgit** akan diperuntukkan iaitu **47.86 juta ringgit** daripada sumber hasil Negeri, manakala **20 ringgit** adalah token sumber pinjaman Kerajaan Persekutuan dan imbuhan bayaran balik. Selebihnya, sejumlah **17.14 juta ringgit** adalah daripada pemberian geran tahap pembangunan ekonomi oleh Kerajaan Persekutuan.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2019

58. Peruntukan perbelanjaan mengurus bagi 2019 adalah **382.23 juta ringgit** iaitu peningkatan 2.29 peratus berbanding tahun 2018 sebanyak **373.68 juta ringgit**. Kenaikan perbelanjaan mengurus terdiri daripada kelulusan Dasar Sedia Ada sejumlah **368.77 juta ringgit**, Dasar Baharu sejumlah **9.65 juta ringgit** dan One Off sejumlah **3.81 juta ringgit**. Namun demikian, peningkatan ini adalah peningkatan minimum setelah mengambil kira langkah penjimatan dan komitmen sedia ada jabatan.

Bagi Maksud Tanggungan

59. Bagi Maksud Tanggungan, peruntukan yang dicadangkan adalah **13.06 juta ringgit** iaitu 3.42 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus.

Bagi Maksud Bekalan

60. Di bawah Maksud Bekalan, untuk Bajet 2019 ialah sebanyak **369.17 juta ringgit** atau 96.58 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus. Perbelanjaan meliputi peningkatan pembayaran emolumen, perbelanjaan bekalan, seperti sewaan, utiliti, penyelenggaraan berkala Jabatan, pembelian aset dan sumbangan kepada agensi untuk pembayaran emolumen. Ringkasan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- i. Sejumlah **161.69 juta ringgit** dibajetkan di bawah kod objek sebagai 20000 Perkhidmatan dan Bekalan atau peratusan perbelanjaan tertinggi iaitu 43.8 peratus;
- ii. Sejumlah **106.07 juta ringgit** dibajetkan atau peratusan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu 28.73 peratus di bawah kod objek sebagai 10000 Emolumen;
- iii. Sejumlah **95.56 juta ringgit** diperuntukkan atau 25.89 peratus bagi kod objek sebagai 40000 Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap;
- iv. Sejumlah **3.26 juta ringgit** atau 0.88 peratus dibajetkan di bawah kod objek sebagai 30000 Aset; dan

- v. Sejumlah **2.58 juta ringgit** dibajetkan dengan peratus perbelanjaan paling kecil iaitu 0.70 peratus bagi kod objek sebagai 50000 Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.
61. Kelulusan perbelanjaan Bajet 2019 seperti berikut: -
- i. B01 Pejabat Tuan Yang Terutama Tun diperuntukkan sejumlah **4.54 juta ringgit**;
 - ii. B02 Pejabat Dewan Undangan Negeri diperuntukkan sejumlah **18.71 juta ringgit** untuk menampung perbelanjaan emolumen, elaun tetap, sewaan kenderaan EXCO, lawatan kerja rasmi, penganjuran persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan pembayaran emolumen kakitangan Japerun;
 - iii. B03 Jabatan Ketua Menteri diperuntukkan sebanyak **66.62 juta ringgit** bagi menampung emolumen, pembayaran utiliti, penyelenggaran berkala dan lain-lain perbelanjaan;
 - iv. B04 Jabatan Pertanian diperuntukkan **5.87 juta ringgit** bagi membiayai perbelanjaan kerja-kerja pembaikan kerosakan bangunan di Pejabat Pertanian di Merlimau, emolumen dan sewaan pejabat;

- v. B05 Peruntukan Pejabat Tanah dan Galian **10.19 juta ringgit** bagi membiayai perkhidmatan sokongan teknikal Sistem e-Tanah serta lain-lain perbelanjaan;
- vi. B06 Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah sebanyak **9.23 juta ringgit**;
- vii. B07 Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah sebanyak **8.32 juta ringgit**;
- viii. B08 Peruntukan Pejabat Daerah dan Tanah Jasin berjumlah **7.84 juta ringgit**;
- ix. B09 Sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun sebanyak **48.06 juta ringgit** bagi memenuhi komitmen Pembangunan Negeri dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah seperti Tabung Amanah Pendidikan Negeri, Tabung Pelancongan, Tabung Amanah Kebajikan Negeri, Tabung Amanah Dakwah, Tabung Amanah Hartanah dan sebagainya;
- x. B10 Peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran sebanyak **10.94 juta ringgit**;
- xi. B11 Peruntukan Jabatan Hutan berjumlah **2.39 juta ringgit**;

- xii. B12 Peruntukan Jabatan Kerja Raya sebanyak **29.08 juta ringgit** bagi menampung kerja-kerja penyelenggaraan bangunan di Kompleks Seri Negeri, Pejabat Tuan Yang Terutama Tun, Seri Bendahara, Masjid Negeri, kuarters milik Kerajaan di Kuarters Batang Tiga, Kuarters Mata Kuching dan Kuarters Kandang;
- xiii. B13 Peruntukan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) berjumlah **71.44 juta ringgit** bagi menampung pelbagai perbelanjaan operasi;
- xiv. B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menerima peruntukan sejumlah **18.12 juta ringgit** bagi menampung pelbagai perbelanjaan;
- xv. B15 Peruntukan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri berjumlah **8.45 juta ringgit**;
- xvi. B16 Peruntukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri sebanyak **3.41 juta ringgit** bagi membiayai kenaikan emolumen kakitangan tetap dan kontrak;
- xvii. B17 Peruntukan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa berjumlah **3.86 juta ringgit** bagi menampung emolumen dan lain-lain perbelanjaan;

- xviii. B18 Peruntukan Mahkamah Syariah sebanyak **4.88 juta ringgit**;
- xix. B19 Peruntukan Jabatan Mufti Negeri Melaka sebanyak **2.89 juta ringgit**;
- xx. B20 Peruntukan Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri berjumlah **32.87 juta ringgit**. Peruntukan ini untuk membiayai emolumen agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM), Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Perbadanan Stadium, Perbadanan Teknologi Hijau berjumlah **17.7 juta ringgit**; dan
- xi. B21 Peruntukan mengurus Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, yang diwujudkan tahun 2019 dengan perbelanjaan sebanyak **1.45 juta ringgit**.

Yang Berhormat Speaker,

Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Bagi Maksud Pembangunan

62. Di bawah Perbelanjaan Pembangunan Bajet 2019, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak **65 juta ringgit** iaitu kenaikan sebanyak **5.0 juta ringgit** atau 8.33 peratus berbanding **60 juta ringgit** bagi tahun 2018. Peruntukan yang dibajetkan

adalah terdiri daripada sumber Kerajaan Negeri melalui pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak **47.86 juta ringgit**, Pemberian Geran Tahap oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak **17.14 juta ringgit** dan pindaan daripada Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak **20.00 ringgit** sebagai token.

63. Peruntukan pembangunan yang disediakan untuk projek-projek adalah seperti berikut: -

- i. P10 Jabatan Kerja Raya disediakan peruntukan sejumlah **11.9 juta ringgit** bagi pelbagai projek. Antara senarai projek baharu dan projek sambung ialah: -
 - a) Menaik taraf Jalan 2 Lorong kepada 4 Lorong dari Persimpangan Bachang ke Persimpangan Batu Berendam Laluan M2 Daerah Melaka Tengah sebanyak **3.47 juta ringgit**;
 - b) Menaik taraf Persimpangan Balai Polis Bukit Rambai, Daerah Melaka Tengah sebanyak **3.0 juta ringgit**;
 - c) Menaik taraf Jalan Laluan M126 dari Persimpangan IPK Bukit Beruang ke Persimpangan Batu Berendam, Daerah Melaka Tengah sebanyak **1.0 juta ringgit**;

- d) Menaik taraf dan pembesaran jalan di dua Persimpangan Bemban, Daerah Jasin Melaka sebanyak **0.5 juta ringgit**; dan
 - e) Membina jalan pintas baharu dari persimpangan Jalan Alor Gajah Lama ke Taman Murai Jaya di Pekan Durian Tunggal sebanyak **1.0 juta ringgit**.
-
- ii. P11 Jabatan Pengairan dan Saliran telah diperuntukkan sejumlah **7.18 juta ringgit**. Daripada jumlah itu, **2.76 juta ringgit** bagi membiayai projek kecil parit dan saliran dan kerja-kerja menahan hakisan pantai. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak **3.38 juta ringgit** untuk kerja-kerja menggali Sungai Melaka dan mendalamkan muara Sungai Duyong serta projek-projek kecil perparitan saliran bandar dan sungai berjumlah **0.6 juta ringgit**;
 - iii. P12 Jabatan Pertanian diberi peruntukan sebanyak **1.25 juta ringgit** untuk meneruskan program-program sedia ada bagi memastikan peningkatan bekalan makanan dicapai;
 - iv. P13 Jabatan Perkhidmatan Veterinar diberi peruntukan sebanyak **1.1 juta ringgit** untuk memajukan ‘industri penternakan ruminan’;
 - v. P16 Jabatan Ketua Menteri (Infrastruktur) disediakan peruntukan sebanyak **15.56 juta ringgit** bagi menambah baik

infrastruktur bekalan air, pembangunan sosioekonomi dan kemudahan asas. Antara projek yang disediakan adalah seperti berikut: -

- a) Kajian Rancangan kawasan Khas Tanjung Bidara-Pengkalan Balak, Laporan Rancangan Fizikal Negeri Melaka dan cadangan pembangunan Data Geospatial Persempadanan Kampung Negeri Melaka berjumlah **0.5 juta ringgit**;
- b) Pusat rujukan dan dokumentasi Negeri Melaka di bangunan Muzium Rakyat berjumlah **0.5 juta ringgit**;
- c) Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan, *Emergency Action Plan* di Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus berjumlah **1.0 juta ringgit**, kerja-kerja menaik taraf keselamatan Empangan Asahan berjumlah **1.0 juta ringgit** dan kerja-kerja pembangunan infrastruktur keselamatan di Empangan Durian Tunggal serta Empangan Jus berjumlah **2.0 juta ringgit**;
- d) Pembangunan harta tanah, membiayai kos pengambilan dan pampasan tanah daripada pelbagai pihak yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri sejumlah **3.48 juta ringgit**;

- e) Menaik taraf bangunan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka dan Perpustakaan Desa sedia ada di Taman Angkasa Nuri yang dianggarkan sejumlah **2.0** **juta ringgit**;
 - f) Peningkatan keselamatan fizikal dan *System Access Door* di Kompleks Seri Negeri, menaik taraf peralatan *Blade Server* di Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Negeri Melaka, kemudahan 1 Melaka*Net dan sistem Intranet, dianggarkan sejumlah **1.77** **juta ringgit**;
 - g) Menaik taraf Kompleks Falak Al-Khawarizmi dan bahan pameran serta kerja-kerja mengecat penginapan dianggarkan sejumlah **0.4** **juta ringgit**; dan
 - h) Lain-lain perbelanjaan sejumlah **0.2** **juta ringgit**.
-
- vi. P18 Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri diperuntukkan token sebanyak **20** **ringgit**;
 - vii. P19 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah diperuntukkan sebanyak **5.4** **juta ringgit**;
 - viii. P20 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah diperuntukkan sebanyak **3.95** **juta ringgit**;

- ix. P21 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin diperuntukkan sebanyak **2.2 juta ringgit**;
- a) Peruntukan ini digunakan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri iaitu Ahli EXCO, ADUN dan Pegawai Penyelaras DUN bertujuan membiayai pengurusan Japerun (pejabat), sumbangan kemasyarakatan dan aktiviti rakyat dan projek infrastruktur kecil di daerah DUN masing-masing; dan
- b) Pada tahun 2019, peruntukan penyelenggaraan JAPERUN dan Balai Raya adalah sebanyak **1.05 juta ringgit**.
- x. P22 Jabatan Agama Islam Melaka diperuntukkan sebanyak **13.35 juta ringgit** bagi membiayai projek-projek sambungan Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Tadika (JAIM), projek sambung masjid dan penyelenggaraan dan pembaikan SRA, masjid dan surau di bawah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM); dan
- xi. P23 Peruntukan projek-projek khas Ketua Menteri sebanyak **3.10 juta ringgit**.
64. Negeri Melaka akan terus menyahut aspirasi Negara dalam menggarap agenda pembangunan bertunjangkan kesejahteraan rakyat menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu rancangan terakhir sebelum mencapai Wawasan 2020. Kerajaan Negeri Melaka telah menetapkan beberapa dasar bagi komposisi

pertumbuhan pembangunan di Negeri ini supaya ia seimbang dan mampu memenuhi kehendak golongan sasar.

65. Kajian separuh penggal RMKe-11 bagi tempoh 2018-2020 telah membuat anjakan dan penyesuaian ke atas dasar dan strategi jangka sederhana. Keutamaan dan penekanan baharu adalah terhadap dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkuatkan tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi berdasarkan enam tonggak utama iaitu: -

- i. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam;
- ii. Memperkuat pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat;
- iii. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang;
- iv. Memperkasa modal insan;
- v. Mempertingkat kemampuan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau; dan
- vi. Memperkuat pertumbuhan ekonomi.

66. Selain daripada **65** **juta** **ringgit** yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan perbelanjaan pembangunan,

Kerajaan Persekutuan turut menyediakan dana bagi memastikan kelangsungan perancangan pembangunan Negeri. Bagi tujuan tersebut, sejumlah **1.03 bilion ringgit** siling peruntukan telah diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi tempoh RMKe-11 iaitu dari tahun 2016-2020. Daripada jumlah itu, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah **363.40 juta ringgit** pada tahun 2016, **486.99 juta ringgit** tahun 2017 dan **376.10 juta ringgit** sehingga 7 November tahun 2018. Baki peruntukan tahun 2018 adalah **127.06 juta ringgit**. Permohonan sebanyak **4.92 bilion ringgit** telah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan untuk *Rolling Plan 4* (RP4), di bawah RMKe-11.

Yang Berhormat Speaker,

Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

THE WAY FORWARD

Strategi Perancangan Ekonomi Dan Pembangunan Sosio Negeri

67. Bagi mengekalkan momentum pembangunan Negeri, beberapa strategi telah dirangka, terutama untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur demi kesejahteraan rakyat. Strategi-strategi tersebut ialah: -

PERTAMA: MENINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR**Sumber Air**

68. Menjelang tahun 2022, Melaka akan mengalami kekurangan sumber air untuk menampung keperluan permintaan air yang semakin meningkat. Justeru, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan dan Agensi Persekutuan telah mengenal pasti beberapa langkah untuk mengatasi perkara tersebut iaitu: -

- i. Pembinaan Empangan Jernih yang mampu menampung 13,000 juta liter kapasiti air menerusi air dari Sungai Rembau dengan *gross yield* mencapai 100 Juta Liter Sehari;
- ii. Pembinaan Loji Rawatan Air Jernih yang berkapasiti 95 juta liter sehari berdekatan dengan Empangan Jernih iaitu di penghujung sistem bekalan air Negeri Melaka bagi menampung keperluan kepadatan penduduk di kawasan Masjid Tanah;
- iii. Pembinaan *Off River Storage* (ORS) Melaka di Tasik Biru, Jasin, bagi menyediakan sumber air yang berterusan sebanyak 310 juta liter sehari; dan
- iv. Pembinaan telaga tiub di kawasan Loji Rawatan Air Sungai Siput dan 6 telaga di Loji Rawatan Air Gadek dengan

jangkaan keupayaan air bawah tanah yang boleh diperolehi adalah 1 hingga 3 juta liter sehari.

Rancangan Tebatan Banjir

69. Masalah banjir merupakan isu utama yang telah diberi perhatian sejak pengambilalihan pentadbiran Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Meskipun menghadapi kekangan kewangan, namun ini tidak menghalang Kerajaan Negeri meneruskan projek tebatan dan mitigasi banjir dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti, dengan Sungai Duyong sebanyak **163.8 juta ringgit**, Bandar Jasin, **60 juta ringgit**, Bandar Alor Gajah, **30 juta ringgit** dan Bandar Merlimau, **36 juta ringgit**. Projek-projek ini akan mula dilaksanakan pada Mei 2019 dan dijangka siap menjelang Disember 2022.

Menambah Baik Sistem Lalu Lintas Di Jaringan Jalan-Jalan Utama

70. Kesesakan jalan raya merupakan antara isu yang sering dibangkitkan oleh rakyat. Sehubungan itu, satu pasukan petugas telah ditubuhkan untuk mengenal pasti masalah tersebut. Antara inisiatif yang telah dikenalpasti ialah Pengurusan Lampu Isyarat melalui Sistem Kawalan Berpusat, *Malaysian Intelligent Traffic Sistem* (MITS) dan Pelan Pengurusan Lampu Isyarat di Melaka

Tengah. Sistem ini bertujuan melancarkan lalu lintas dan mengurangkan kesesakan di jaringan jalan-jalan utama iaitu:-

- i. Jaringan Lebuh AMJ (Alor Gajah - Melaka - Jasin) - 20 Persimpangan;
- ii. Jaringan Lebuh SPA (Sg. Udang - Paya Rumput - Ayer Keroh) - 10 Persimpangan;
- iii. Jaringan Lebuh Ayer Keroh - 10 Persimpangan; dan
- iv. Jaringan Jalan di dalam kawasan Bukit Katil - 6 Persimpangan.

71. Bagi pembangunan jejambat di Persimpangan Peringgit dan Persimpangan Ayer Keroh, prestasi kemajuan fizikal semasa Pakatan Harapan mula mengambil alih pada 11 Mei 2018 ialah 74 peratus. Sehingga 31 Oktober 2018, prestasi kemajuan fizikal telah mencapai 88 peratus. Kedua-dua jejambat ini dijangka akan siap pada 11 Februari 2019.

72. Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan juga akan melaksanakan pembinaan 3 jejantas di Sekolah Tinggi Cina Bachang, Sekolah Kebangsaan Agama Balai Panjang dan Kampung Jambatan Duyung / Kampung Ladang di Lebuh AMJ bagi memenuhi keperluan pejalan kaki.

73. Pada masa yang sama, Jabatan Kerja Raya juga akan melaksanakan kerja-kerja kejuruteraan awam termasuklah pemanjangan lorong membelok di setiap persimpangan yang sesak secara berperingkat dan juga penambahbaikan papan tanda di kawasan khususnya laluan Lebuhraya Ayer Keroh dan Lebuhraya AMJ yang sering menjadi pilihan laluan pengguna dan pengunjung luar untuk ke Bandar Melaka sekali gus mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas.

74. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang menyediakan pelan pembangunan bagi meningkatkan kebolehcapaian sistem infrastruktur darat, udara dan laut yang baharu bagi memastikan pembangunan benar-benar terancang.

Menaik Taraf Dan Membina Fasiliti Baharu Kesihatan

75. Bagi memastikan kesinambungan ke atas usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan menaik taraf dan membina beberapa fasiliti kesihatan yang baharu. Di antara projek yang telah diluluskan di dalam RMKe-11 serta projek yang masih di dalam fasa pembinaan ialah:

- i. Klinik Kesihatan iaitu lengkap dengan Unit Rehabilitasi di Batu Berendam, Daerah Melaka Tengah;
- ii. Klinik Kesihatan Rembia, Daerah Alor Gajah, Melaka;

- iii. Naik taraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Pembinaan Blok Baharu bagi Jabatan Pergigian Pediatric di Hospital Melaka, yang akan ditender semula pada Februari 2019;
- iv. Menaik taraf Sistem Bekalan Elektrik di Hospital Melaka; dan
- v. Pusat Hemodialisis Komuniti di Cheng adalah di bawah pengurusan Jabatan Nefrologi Hospital Melaka. Pusat ini menempatkan sepuluh (10) unit Mesin Hemodialisis untuk kegunaan pesakit kurang berkemampuan sekali gus membantu mengurangkan kesesakan di Hospital Melaka.

KEDUA: MERANGSANG SEKTOR PELANCONGAN

Tahun Melawat Melaka 2019

76. Pelancongan merupakan sektor kedua terpenting selepas sektor perindustrian di dalam pembangunan ekonomi Negeri. Melaka yang kaya dengan sumber sejarah, kebudayaan dan kesenian menjadikannya tempat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri. Pada tahun 2017, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak **16 bilion ringgit** termasuk sub sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Melaka. Jumlah pelancong yang telah melawat Negeri Melaka adalah seramai 16.8 juta orang.

77. Tahun 2018 merupakan tahun pencapaian gemilang Negeri Melaka di mana ia telah meraikan sambutan Bandaraya Warisan Dunia UNESCO yang ke-10. Ekoran kejayaan ini, telah menyuntik inspirasi kepada Kerajaan Negeri yang baharu untuk memacu pertumbuhan sektor pelancongan dengan lebih giat bagi mencapai sasaran 17 juta pelancong menjelang akhir Disember 2018.

78. Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan Tahun Melawat Melaka 2019 bertemakan "*Melaka The Gateway To Historic Malaysia 2019 / 2020*" dengan sasaran jumlah pelancong kepada 20 juta orang menjelang akhir 2019 sekali gus meningkatkan sektor pelancongan Negeri.

79. Beberapa pengisian aktiviti pelancongan baharu akan diperkenalkan. Antaranya, *Heritage Ambassador* / Duta Pelancongan Kecil di kawasan tarikan pelancong. Mereka akan berpakaian baju kebudayaan tradisional dan berperanan sebagai penyambut tetamu sekali gus sebagai pemandu pelancong.

80. Kerajaan Negeri Melaka juga sedang giat memperkenalkan beberapa kaedah dan produk baharu selain 796 buah produk pelancongan sedia ada di bawah 13 Sub Sektor Pelancongan Negeri.

81. Meskipun Negeri Melaka meraih pendapatan berbilion ringgit hasil daripada perbelanjaan dalam sektor pelancongan, namun pendapatan tersebut tidak dijana sebagai hasil Kerajaan

Negeri. Ini kerana sebahagian besar direkodkan sebagai hasil Kerajaan Persekutuan. Pengumuman Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2019 untuk melaksanakan perkongsian 50 peratus hasil kutipan bagi cukai pelancongan kepada Negeri-negeri yang menggiatkan aktiviti pelancongan adalah amat dihargai. Bagi tempoh 1 September 2017 hingga 31 Oktober 2018, jumlah kutipan cukai pelancongan untuk Negeri Melaka ialah sebanyak **10.78 juta ringgit**. Untuk itu Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas inisiatif ini. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak **3.0 juta ringgit** pada tahun 2019 bagi tujuan promosi.

KETIGA: MENAMBAH BAIK SKIM PERUMAHAN UNTUK RAKYAT

82. Seiring dengan Manifesto Pakatan Harapan dalam tempoh 5 tahun ini, Kerajaan Negeri Melaka menekankan kepada pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) serta menawarkan konsep rumah sewa beli kepada pembeli yang layak. Secara umumnya, bagi memenuhi keperluan kumpulan B40, Kerajaan Negeri bersama Agensi Kerajaan dan pemaju perumahan :-

- i. Menyediakan rumah kos rendah awam dengan harga **42,000 ringgit**. Setakat ini sebanyak 1,424 unit telah dibina, 1,073 unit dalam pembinaan dan 551 unit lagi akan dibina sehingga tahun 2020; dan

ii. Kerajaan Negeri juga mensasarkan pembinaan rumah di bawah harga **180,000 ringgit** sebanyak 31,254 unit iaitu:-

- a) Di antara **80,000 hingga 100,000 ringgit** : 4,562 unit;
- b) Di antara **100,000 hingga 140,000 ringgit** : 8,783 unit; dan
- c) Di antara **140,000 ringgit hingga 180,000 ringgit** : 17,909 unit.

83. Kerajaan Negeri bersama Agensi Kerajaan dan pemaju perumahan akan turut membina rumah melebihi harga **180,000 ringgit** sebanyak 16,520 unit untuk kumpulan pertengahan. Antaranya ialah Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Merlimau yang bakal menyediakan sejumlah 1,650 unit kediaman, dengan 411 rumah teres berharga **180,000 ringgit** seunit, 981 unit rumah teres A dengan harga **280,000 ringgit** seunit dan 258 unit rumah teres B berharga **450,000 ringgit** seunit.

84. Kerajaan Negeri dengan persetujuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menukar konsep pemilikan rumah daripada *sewa kepada sewa beli (Rent to Own)* untuk projek-projek sedia ada seperti PPR Krubong dan PPR Tehel. Kerajaan Negeri Melaka juga sedang merancang untuk membina 500 buah *Rumah Berkat* untuk pasangan baharu berkahwin dengan had penyewaan adalah 3 tahun.

KEEMPAT: MERANCAKKAN SEKTOR PEMBUATAN

85. Kerajaan Negeri yakin dapat mengekalkan Melaka sebagai destinasi pelaburan popular dan mesra pelabur di Negara ini di sebalik prospek ekonomi global yang mencabar. Selaras dengan itu, beberapa pendekatan telah diambil seperti berikut:

- i. Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Negeri;
- ii. Menggalakkan teknologi *Smart Manufacturing* di kilang-kilang utama negeri;
- iii. Merangka insentif khas bersama pihak MIDA dan lain-lain insentif bergantung kepada potensi industri berkaitan;
- iv. Penumpuan pengambilan pekerja asing yang terhad kepada 3D iaitu *Dirty, Difficult and Dangerous*;
- v. Penetapan pembelian bahan mentah dan perkhidmatan daripada pembekal tempatan bagi memastikan limpahan ekonomi terhadap rakyat Negeri Melaka;
- vi. Melengkapkan kawasan-kawasan perindustrian yang sedang dimajukan dengan sistem infrastruktur yang kondusif seperti jalan raya, sistem pencahayaan dan sistem kumbahan bersepadu; serta

- vii. Penyediaan bekalan utiliti yang mencukupi selaras dengan kehendak pelabur.
86. Bagi tempoh Mei hingga Oktober 2018, Kerajaan Negeri telah berjaya menarik pelaburan berjumlah **358.59** **juta ringgit** seperti berikut:-
- i. Oriental Food Industries berjumlah **220** **juta ringgit**;
 - ii. Testhub Sdn. Bhd berjumlah **34.8** **juta ringgit**;
 - iii. Leuco Sdn Bhd dari Jerman berjumlah **7.9** **juta ringgit**;
 - iv. Sim Yang Hok Industries Sdn Bhd berjumlah **25.3** **juta ringgit**;
 - v. Astino Southern Sdn Bhd berjumlah **39.8** **juta ringgit**;
 - vi. Ereppi Manufacturing Sdn. Bhd berjumlah **7.3** **juta ringgit**;
 - vii. TPI Industries Sdn Bhd berjumlah **13.5** **juta ringgit**;
 - viii. Dominant Electronics Sdn Bhd berjumlah **7.3** **juta ringgit**; dan
 - ix. Ta Win Manufacturing Sdn. Bhd berjumlah **2.5** **juta ringgit**.

87. Hasil daripada misi pelaburan yang telah diadakan ke Korea dan Jepun pada September dan Oktober lalu, adalah dijangkakan Negeri Melaka bakal menerima pelaburan dalam bidang perubatan, makanan dan elektronik berjumlah **1.8 bilion ringgit**.

KELIMA: MENGGALAKKAN PELABURAN MELALUI KADEAH PENSWASTAAN

88. Perancangan pembangunan yang lebih komprehensif sedang dilaksanakan, dengan mewujudkan projek-projek baharu milik swasta dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC) seperti *Taman Tema Air Splash World Harbour City*, pembangunan Pulau Besar dan Pulau Upeh, Pelabuhan Tanjung Bruas dan *Melaka International Cruise Terminal* (MICT). Selain daripada itu, pembangunan Kuala Linggi International Port (KLIP) juga bakal merancakkan industri pelabuhan di Negeri ini.

89. Kerajaan Negeri juga sedang dalam fasa akhir Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka Fasa 2 dengan kos projek bernilai **344.9 juta ringgit** yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Kos projek meliputi 3 pakej merangkumi kawasan sepanjang 5.2 kilometer. Pakej 1 dijangka siap pada 20 Februari 2019, manakala pakej 2 dan 3 telah siap dan akan mula digunakan pada penghujung tahun 2018.

KEENAM: MEMPERKASA SEKTOR PERTANIAN

Pertanian

90. Isu jaminan bekalan makanan telah mendapat tumpuan dunia termasuk Malaysia apabila harga makanan terutama beras meningkat secara mendadak pada tahun 2008. Isu ini dijangka semakin mencabar kesan daripada perubahan iklim, faktor pengeluaran yang terhad dan kenaikan harga input serta persaingan penggunaan bahan makanan untuk pengeluaran bahan biodiesel.

91. Peningkatan permintaan makanan berikutan pertambahan penduduk dan peningkatan pendapatan serta perubahan cita rasa pengguna dijangka memberi tekanan kepada industri pengeluaran makanan tempatan. Beberapa inisiatif akan dilaksana bagi menjamin bekalan makanan di Negeri Melaka mencukupi iaitu:

- i. Pembangunan Industri Tanaman Makanan;
- ii. Pembangunan Industri Bernilai Tinggi merangkumi antaranya industri ternakan lebah madu dan kelulut bagi pengeluaran madu asli, industri cendawan dan industri rempah ratus seperti tanaman serai, halia yang memberikan pulangan lumayan kepada usahawan;
- iii. Pembangunan Industri Asas Tani; dan

iv. Pembangunan Tanah Terbiar.

Penternakan

92. Industri ternakan merupakan sektor penting dalam pembangunan pertanian di Negeri ini. Penekanan terus diberikan oleh Kerajaan kepada program *jaminan makanan* atau *food security* bagi memastikan bekalan ayam dan daging mencukupi kepada rakyat di negeri ini. Hari ini, Melaka semakin dikenali dalam kalangan pemain industri ini sebagai pengeksport telur ayam terbesar berjumlah 9 juta biji sehari, selain anak ayam dan daging ayam.

93. Bagi ‘industri penternakan ruminan’, sasaran ialah untuk memastikan bekalan makanan berasaskan lembu, kerbau, kambing dan bebiri dapat dipertingkatkan bagi mengurangkan pengimportan. Kedua-dua industri penternakan ayam dan ruminan ini telah mencapai sasaran **1.47 bilion ringgit** bagi tempoh 2015 hingga 2017 manakala sasaran bagi tempoh 2018 hingga 2019 ialah **1.6 bilion ringgit**.

94. Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan mengenalpasti penternak-penternak berpotensi dan berdaya maju untuk ditransformasi sebagai penternak komersil di samping terus mengamalkan sistem penternakan yang baik. Manakala, program-program sedia ada seperti mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan dan zoonotik, akan dimantapkan ke arah

persekitaran yang lebih kondusif, untuk pertumbuhan dan kesejahteraan industri ternakan Negeri. Penternakan lembu tenusu contohnya, berpotensi kerana mampu menjana pendapatan sehingga **4 ribu ringgit** sebulan dengan skala penternakan sederhana.

Perikanan

95. Sektor perikanan adalah salah satu daripada cabang pertanian yang terus berkembang dengan baik di Negeri Melaka. Dua aktiviti utama sektor ini ialah perikanan tangkapan dan akuakultur. Pada tahun 2018, seramai 1,266 orang nelayan dan 1,002 buah vesel telah berdaftar di Melaka. Aktiviti penangkapan ikan hanya tertumpu pada jarak 0 hingga 5 batu nautika daripada garisan pantai. Justeru, para nelayan perlu berganding bahu membantu pihak kerajaan menguruskan sumber perikanan di perairan dengan sebaiknya. Bagi meningkatkan lagi sumber perikanan tangkapan, beberapa langkah telah diambil oleh Jabatan Perikanan, antaranya: -

- i. Mewartakan kawasan larangan menangkap ikan;
- ii. Melabuhkan 42 unit tukun tiruan dasar lembut di perairan Pulau Besar semenjak tahun 2009; dan

iii. Melabuhkan 20 unit tukun rekreasi di Pulau Undan bagi tujuan memperkayakan terumbu karang sedia ada di pulau tersebut.

96. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan membantu para nelayan untuk penyediaan pelbagai infrastruktur seperti menaik taraf jeti sedia ada dan membina jeti baharu. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan **87.99 juta ringgit** bagi tempoh 2011 hingga 2018 kepada para nelayan dari segi penyediaan infrastruktur dan pemberian bantuan seperti elaun sara hidup, insentif hasil tangkapan ikan, bantuan bencana alam dan kebajikan nelayan, tidak termasuk bantuan subsidi minyak.

97. Walau bagaimanapun, menyedari kebajikan nelayan yang telah terjejas akibat aktiviti tambak laut di perairan Melaka, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi insentif sebanyak **3,000 ringgit** dengan 4 kali pembayaran secara berkala kepada nelayan di daerah Melaka Tengah bagi tahun 2019. Nelayan berkenaan perlu berdaftar dengan Jabatan Perikanan Melaka.

98. Jabatan Perikanan Negeri Melaka telah merangka satu pelan penstrukturan komuniti perikanan bertujuan untuk menambahkan pendapatan, pengurusan sumber, pemuliharaan alam sekitar dan medium penyaluran maklumat yang tepat berhubung dasar dan pembangunan industri perikanan kepada nelayan. Kawasan yang telah dikenalpasti untuk program tersebut

termasuklah Pantai Siring, Umbai, Pernu, Parit Penghulu, Sebatu dan Paya Lebar.

99. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Program Zon Industri Akuakultur (ZIA). Sehingga kini, dua kawasan telah dizonkan sebagai ZIA iaitu Sempang dan Sebatu di daerah Jasin, yang masing-masing bertumpu kepada ternakan udang laut dan kupang. Kerajaan Negeri akan mewartakan lebih banyak pusat ZIA untuk meningkatkan pengeluaran industri tersebut.

KETUJUH: MEMPERKASA SISTEM PENDIDIKAN NEGERI

100. Kerajaan sentiasa meletakkan usaha meningkatkan taraf pendidikan rakyat sebagai keutamaan kerana pendidikan adalah perkara yang amat dekat di hati rakyat. Bagi membantu meningkatkan prestasi akademik murid berasrama, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebanyak **0.7 juta ringgit** setiap tahun untuk membiayai perkhidmatan tuisyen di Sekolah-sekolah Asrama Harian, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Berasrama Penuh bagi menghadapi peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

101. Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) akan memberi sumbangan dalam tahun 2019 seperti berikut:

- i. Bantuan Sekolah Rendah kepada 3,000 orang murid dengan jumlah **0.45 juta ringgit**;
- ii. Biasiswa Melaka (Sekolah Menengah) kepada 2,000 murid dengan jumlah **1.2 juta ringgit**;
- iii. Dermasiswa Tahfiz kepada 195 murid dengan jumlah **0.30 juta ringgit**;
- iv. Pinjaman Wang Pengajian Tinggi (PWPT) kepada 540 pelajar dengan jumlah **3.29 juta ringgit**; dan
- v. Insentif One-Off kepada 4,500 pelajar IPT dengan jumlah **1.5 juta ringgit**.

102. Pemantapan dan pembangunan Pendidikan Islam ke arah modal insan yang progresif terus menjadi agenda penting kerajaan. Ini jelas melalui komitmen kerajaan meneruskan projek-projek pembangunan dan menaik taraf Institusi Pendidikan Islam, yang merangkumi pembangunan Sekolah Rendah Agama (SRA), tadika, institusi tahfiz dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sejumlah **13.3 juta ringgit** diperuntukkan untuk tujuan tersebut bagi tahun 2019.

103. Kerajaan Negeri juga menggalakkan semua murid Islam di negeri ini mengikuti kelas KAFA di Sekolah Rendah Agama (SRA). Menyedari jumlah SRA sedia ada tidak mencukupi untuk

menampung bilangan murid yang semakin meningkat, pihak JAIM telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, menggunakan sekolah harian sebagai sekolah SRA di sebelah petang sekali gus memberi manfaat kepada 18,000 murid. Dalam masa yang sama, 4 buah sekolah SRA akan dibina mulai 2019 merangkumi sekolah-sekolah seperti berikut:-

- i. SRA Permatang Duyong;
- ii. SRA Ayer Paabas;
- iii. SRA Bukit Larang; dan
- iv. SRA Ayer Merbau

KELAPAN: MENAIK TARAF KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

104. Menerusi Bajet 2019, Kerajaan Negeri menekankan agenda membaik pulih serta menaik taraf kemudahan jalur lebar tanpa wayar (WiFi) dalam usaha membangunkan Melaka secara inklusif sekali gus merapatkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Usaha ini adalah tindakan bersama dengan Telekom Malaysia (TM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

105. Sehingga Ogos 2018, Negeri Melaka telah mempunyai 1,059 WiFi Hotspot. Bagi meningkatkan lagi perluasan akses

Internet berkelajuan tinggi, pihak TM akan melaksanakan pemasangan sebanyak 1,370 port UNIFI pada tahun 2019.

106. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui MICTH, akan meningkatkan kemudahan WiFi di Melaka dengan menambah bilangan Infrastruktur Telekomunikasi. MICTH merupakan Penyedia Tunggal Eksklusif dalam perancangan dan pengurusan Infrastruktur Telekomunikasi bagi Laluan Asas Telekomunikasi (*Common Utility Trenching*) untuk kesemua Syarikat Telekomunikasi di Negeri Melaka.

107. Kerajaan Negeri mensasarkan pertambahan 50 unit Infrastruktur Telekomunikasi pada tahun 2019 bagi mengatasi masalah gangguan panggilan atau *dropcall* dengan 40 unit di Melaka Tengah, 8 unit di Daerah Alor Gajah dan 2 unit di daerah Jasin.

108. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedar bahawa penggunaan ruang bandar yang optimum boleh dilakukan melalui penggunaan teknologi, bagi meningkatkan daya hidup, prestasi ekonomi, dan kecekapan pentadbiran bandar serta negeri. Justeru, Kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa Majlis Penasihat Bandar Pintar (*Smart City*).

109. Terdapat sembilan (9) komponen di dalam pelaksanaan Bandar Pintar yang akan digunakan bagi kelestarian pembangunan merangkumi ciri-ciri *Smart Governance*, *Smart*

Investment dan Smart Society, Smart Environment, Smart Energy, Smart Mobility, Smart Lifestyle, Smart Economy dan Smart Tourism.

110. Antara inisiatif *Smart* yang sedang dilaksana bagi penjimatan elektrik ialah projek *LED Street Light* di seluruh Negeri. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), telah berjaya menukar lebih seribu lampu jalan *konvensional* di bawah kawasan pentadbirannya kepada lampu jalan LED pintar. Manakala 62,000 lampu lagi telah disediakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).

111. Selain itu, TNB juga sedang meluaskan pemasangan Meter Pintar di semua premis pengguna di Negeri ini sekali gus menjadikan Melaka sebagai Negeri perintis dalam penggunaan Meter Pintar di Negara ini. Meter Pintar berkenaan akan dapat membantu rakyat menguruskan kos elektrik dengan efisyen.

112. Aplikasi *Smart Parking Melaka* yang diperkenalkan oleh MBMB menggantikan kupon tempat letak kereta juga memudahkan pengguna membuat bayaran dan menambah nilai secara dalam talian di samping dapat mengurangkan penggunaan kertas.

113. Penyelarasan pelan pembangunan ekonomi 5 tahun Melaka ke arah mempromosi pelaburan ke dalam teknologi *Smart City* juga sedang dibangunkan dan Kerajaan Negeri

menggalakkan penyertaan swasta mahupun individu dengan menggunakan teknologi atau *Artificial Intelligence* (AI).

KESEMBILAN: MENGGIATKAN PENGGUNAAN SISTEM PENSIJILAN HALAL SECARA ATAS TALIAN

114. Sijil dan logo halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk itu halal mengikut syarak, tetapi ia juga mempunyai implikasi besar kepada industri atau pengusaha yang mengeluarkannya. Saban tahun, terdapat peningkatan permohonan pensijilan halal di Melaka kerana disokong oleh perkhidmatan mesra rakyat oleh pihak Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Promosi terus dilakukan melalui aktiviti kesedaran, pemantauan dan operasi bersepadu yang lebih berkala serta sistematik bagi menggalakkan pemain industri mahupun orang awam membuat permohonan pensijilan Halal secara atas talian atau e-halal. Sehingga 31 Oktober 2018, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah menerima 386 permohonan pensijilan halal.

KESEPULUH: MEMPERKEMAS PEMBERIAN INSENTIF ATLET SUKAN NEGERI

115. Saya mengikuti perkembangan sukan dan memberi perhatian yang cukup serius terhadap sukan Negeri. Saya percaya, kecemerlangan dalam sukan adalah satu-satunya cara bagi sesebuah Negeri atau Negara meningkatkan imej dan

mendapat pengiktirafan atau perhatian di mata dunia. Atlet cemerlang merupakan kebanggaan, aset dan duta kepada sesebuah Negeri atau Negara. Pencapaian cemerlang para atlet Melaka telah dibuktikan pada SUKMA Perak 2018 dengan membawa pulang 18 pingat emas, 18 perak dan 19 gangsa.

116. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperkemas pemberian insentif kepada atlet sukan Negeri mengikut lima kategori sukan elit iaitu: -

- i. Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik;
- ii. Sukan Asia / Sukan Komanwel / Sukan EAD dan Sukan Para Asia;
- iii. Sukan SEA dan Sukan Para Asean; serta
- iv. Sukan Malaysia (SUKMA).

117. Kerajaan Negeri akan menyediakan insentif bagi pemenang sukan olimpik dan paralimpik bagi kategori individu dan berpasukan iaitu pingat emas **100 ribu ringgit**, perak **75 ribu ringgit** dan gangsa **50 ribu ringgit**.

118. Bagi pemenang sukan Asia, sukan Komanwel, sukan EAD dan Para Asia bagi kategori individu dan berpasukan, emas **40 ribu ringgit**, perak **25 ribu ringgit** dan gangsa **15 ribu ringgit**.

119. Bagi pemenang sukan SEA dan Para Asean bagi kategori individu dan berpasukan, emas akan menerima insentif tunai bernilai **10 ribu ringgit**, perak **8 ribu ringgit** manakala gangsa **6 ribu ringgit**.

120. Bagi pemenang Sukan SUKMA untuk kategori individu, emas **5 ribu ringgit**, perak **3 ribu ringgit** dan gangsa **1,500 ringgit**. Bagi acara berpasukan yang kurang daripada lima orang atlet, emas **2,500 ringgit**, perak **1,500 ringgit** dan gangsa **800 ringgit**. Bagi acara berpasukan yang melebihi lima orang atlet, emas **1,500 ringgit**, perak **750 ringgit** dan gangsa **500 ringgit**.

121. Skim Insentif Atlet Negeri Melaka dikuatkuasakan mulai pada 1 Januari 2018.

KESEBELAS: MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN

Pengurangan Jenayah

122. Polis Diraja Malaysia Kontinjen Melaka (PDRM) memainkan peranan penting dalam mengurangkan kadar jenayah di Negeri ini. Antara langkah yang diambil dalam mengurangkan kadar jenayah adalah seperti berikut:

- i. Mempergiatkan Pelaksanaan Operasi Pencegahan Jenayah;
- ii. Mempergiatkan Rondaan Unit Polis Pelancong; dan

iii. Menggalakkan pelaksanaan Kepolisian Komuniti.

Konsep Bandar Selamat

123. Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga melaksanakan inisiatif Program Bandar Selamat dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara program Bandar Selamat yang sedang dan akan dijalankan ialah:

- i. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor seperti *bollard*, rel penghadang dan laluan motosikal khas;
- ii. Pemetaan jenayah (Sistem Maklumat Geografi) melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat, penyediaan penggera keselamatan; dan
- iii. Penyediaan tempat motosikal berkunci, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan perniagaan dan tempat awam.

Yang Berhormat Speaker;

Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat

Penutup

124. Demikianlah sahaja, bak kata pepatah, kalau kita belayar, sudah sampai ke pelabuhan, kalau kita berlari, sudah sampai ke

garisan penamat, umpama berjalan sudah sampai ke batas, berkayuh sudah sampai ke pulau. Naskah besar ini, akhirnya dapat saya persembahkan setelah disusun dengan begitu rapi sekali, demi kesejahteraan rakyat dan untuk mengembalikan kewibawaan Melaka dan kali ini menerusi inisiatif Pintar, Hijau dan Bersih.

125. Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas segala sokongan, bantuan dan peruntukan yang telah diluluskan kepada Negeri Melaka. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam penyediaan Bajet 2019 ini. Saya berharap agar seluruh rakyat Melaka dan warga perkhidmatan awam dapat bekerja bersama-sama Kerajaan Negeri, melaksana strategi yang telah digariskan dalam ucapan saya sebentar tadi.

126. Kepada Penjawat Awam, yang dinanti-nanti telah pun menjelma. Bagi menyanjung tinggi sifat kesetiaan Tuan-Tuan dan Puan-Puan, dalam mendokong kemajuan serta melaksana sistem penyampaian perkhidmatan dengan cekap lagi berkesan kepada rakyat, maka sukacita saya mengumumkan, Bantuan Khas Kewangan berjumlah 500 ringgit kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar pada bulan Disember 2018.

127. Peruntukan ini merupakan impak daripada langkah perbelanjaan berhemah yang dilaksana oleh semua Jabatan negeri dan hasilnya penjimatan sebanyak **8.25 juta ringgit**. Pada

masa yang sama jumlah kutipan hasil negeri juga telah meningkat daripada **218.28 juta ringgit** dalam tempoh Januari hingga Oktober 2017 kepada **261.69 juta ringgit** dalam tempoh yang sama 2018 iaitu peningkatan sebanyak **43.41 juta ringgit** atau **19.89 peratus.**

128. Kerajaan Negeri berbesar hati, mengembalikan semula hasil penjimatan dalam bentuk Bantuan Khas Kewangan bagi menghadapi persediaan untuk persekolahan anak-anak. Insya-Allah, pada tahun-tahun mendatang, saya akan pertimbangkan kenaikan pemberian Bantuan Khas Kewangan ini sekiranya banyak lagi penjimatan dan peningkatan hasil dapat dilaksanakan.

129. Sesungguhnya benarlah sepertimana firman ALLAH SWT dalam Surah Sabaa, ayat 39 yang bermaksud: "*Sesungguhnya Tuhan-Ku memewahkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya, dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya, dan Dia-lah juga sebaik-baik Pemberi rezeki*". (Surah Sabaa, ayat 39).

130. Kepadamu Ya Allah, kami berserah, semoga rakyat dan negeri Melaka terus sejahtera, selamat dan makmur.

Yang Berhormat Datuk Speaker,

131. Saya mohon mencadangkan.

-Tamat-